

PROSES mengikir kayu bagi kepala sarung keris dilakukan penuh teliti dan penuh seni.




INILAH kebuk yang digunakan oleh Pak Mazin untuk membakar besi sebelum ditempa menjadi keris.






BAHAN campuran yang terdiri daripada pelbagai jenis besi seperti besi waja, besi tawar dan besi melea diikat kemas sebelum dibakar untuk dimampatkan menjadi satu kepingan logam



KERIS
yang telah siap dikikir direndam dalam larutan cuka getah dan air. Mata keris kemudian dicuci dengan air serta diberus menggunakan sabut kelapa untuk menimbulkan pamor atau kesan seperti urat pada bilah keris.



KAYU yang berkualiti tinggi seperti jati, cendana, timoho dan kemuning digunakan untuk membuat sarung keris. Ia diraut sehingga licin dan diukir dengan penuh teliti bagi menonjolkan identiti keris.



GALUR pamor yang terhasil pada bilah keris bagaikan garis lukisan indah serta penuh seni. Keadaan itu berlaku selama proses pembakaran dan ketukan bagi mencantumkan kepingan besi sehingga terbentuk keris tersebut.

Warisan seni tempa **keris** Melayu



Oleh **SYEFRI MONIZ**
MOHD. NIZAR



KERIS merupakan senjata warisan yang menjadi lambang keberanian dan kesatriaian masyarakat Melayu sejak zaman berzaman. Kehebatan senjata itu cukup tinggi hinggalah pahlawan Melaka, Laksamana Hang Tuah begitu sinonim dengan keris bernama Taming Sari yang dimilikinya.

Sehingga kini, keris menjadi lambang kebesaran institusi kesultanan Melayu di negara ini. Keunikan keris bukan sahaja terserlah ketika ditampilkan dalam gerak jurus persilatan, malah ia bermula daripada pembuatannya yang teliti dan halus.

Abdul Mazin Abdul Jamil, 68, yang lebih dikenali sebagai Pak Mazin merupakan antara insan yang istimewa kerana beliau adalah generasi keempat yang mewarisi kemahiran menempa keris di Kampung Padang Changkat, Kuala Kangsar, Perak. Ilmu pembuatan keris itu diwarisi daripada datuknya, Pandak Lam iaitu anak kepada tukang besi bagi keluarga diraja Perak di Kuala Kangsar satu ketika dahulu.

Berpengalaman selama 40 tahun menempa keris, Pak Mazin pernah diberi kepercayaan oleh Istana Negara untuk menghasilkan keris Hukum, salah satu daripada alat kebesaran istiadat pertabalan Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 pada 2011.

"Untuk menghasilkan keris yang berkualiti, seseorang itu perlu mempunyai jiwa seni yang tersendiri," kata Pak Mazin.



PAK MAZIN menempa dengan teliti kepingan besi yang masih panas sehingga terbentuk lok dan mata keris.

KAYU bagi dijadikan kepala sarung keris dipotong menggunakan gergaji kecil dengan penuh teliti.





KESEMPURNAAN tempaan keris terserlah apabila senjata itu mampu 'berdiri' tegak. Keunikannya itu terhasil apabila si tukang berjaya menghasilkan keris yang mempunyai keseimbangan pada bahagian hulu dan matanya.

KEPINGAN besi yang merah menyala selepas dibakar diketuk bertalutalu menggunakan penukul besi sebelum dipotong. Proses mengetuk dan kemudian dibakar dilakukan berulang kali sehingga terbentuk mata keris berserta loknya.